

Pastikan buku 'rampas semula' perhatian anak muda

• Oleh Berita Harian- 2 June , 2026 @ 05:00pm



Pengunjung cilik tidak melepaskan peluang musim cuti sekolah untuk melihat buku-buku menarik pada Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur (PBAKL) 2026 di Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur (WTCKL), Kuala Lumpur. PBAKL 2026 edisi ke-43 itu berlangsung selama 10 hari hingga 7 Jun. - Foto BERNAMA

Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur (PBAKL) 2026 sekali lagi membuktikan bahawa minat masyarakat terhadap buku dan ilmu pengetahuan masih kukuh apabila ribuan pengunjung membanjiri reruai pameran sepanjang penganjurannya. Kehadiran orang ramai menunjukkan buku terus menjadi medium penting dalam membentuk pemikiran, memperkayakan ilmu dan membina tamadun. Namun begitu, budaya membaca kini berdepan cabaran besar akibat pengaruh media sosial dan kandungan digital yang semakin mendominasi perhatian generasi muda.

Sehubungan itu, pelbagai pihak termasuk kerajaan, industri buku, sektor korporat dan institusi pendidikan perlu berganding bahu memperkasakan budaya membaca dengan pendekatan yang lebih kreatif dan berteraskan teknologi. Penggunaan buku audio, teknologi realiti terimbias (AR), aplikasi digital serta adaptasi karya sastera ke dalam filem, drama dan animasi boleh menjadi strategi berkesan untuk menarik minat golongan muda. Langkah ini penting bagi memastikan masyarakat terus mengutamakan ilmu dan membaca sebagai asas pembentukan modal insan yang berdaya saing serta berfikiran kritis.